

## **TUAN HAJI YUSOF RAWA: BIOGRAFI DAN SUMBANGANNYA**

Oleh:

Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid<sup>1</sup>  
Hamidah binti Jalani<sup>2</sup>

### **Abstrak**

*Tuan Haji Yusof Rawa terkenal sebagai seorang tokoh pendokong inspirasi perjuangan Islam di sebelah utara tanah air dalam tahun 1970-an. Kesungguhan beliau dalam menegakkan Islam dapat dilihat dalam pelbagai bidang termasuk politik, perniagaan, penerbitan dan pendidikan. Antara sumbangan terbesar beliau ialah menerbitkan Majalah al-Islah (1970-1974M). Majalah ini walaupun tempoh penerbitannya agak singkat namun ia sarat dengan idea pembaharuan dan seruan untuk mengembalikan umat Islam kepada ajaran Islam yang sebenar. Artikel ini akan membincangkan biografi Tuan Haji Yusof Rawa dan sumbangannya dalam penyebaran Islam melalui bidang-bidang yang diceburinya.*

### **PENDAHULUAN**

Tuan Guru Haji Yusof Rawa adalah satu nama besar yang banyak berjasa terhadap perkembangan Islam khususnya dalam tahun 1970-an. Kemasyhuran beliau disebabkan oleh tiga faktor utama yang banyak menyumbang kepada kesedaran Islam pada hari ini. (1) Penerbitan *Majalah al-Islah* awal tahun 1970-an merupakan mata rantai dari perkembangan gerakan islah yang lahir sejak awal abad ke-20 lagi. (2) Penglibatan beliau dalam Parti Islam SeMalaysia (PAS) sehingga ke

<sup>1</sup> Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid, PhD, Pensyarah Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Boleh dihubungi melalui e-mail: [faisal@um.edu.my](mailto:faisal@um.edu.my)

<sup>2</sup> Hamidah binti Jalani, MA, Pensyarah Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Boleh dihubungi melalui e-mail: [hamidahjalani@yahoo.com.my](mailto:hamidahjalani@yahoo.com.my)

jawatan YDP PAS<sup>3</sup> menjadikan namanya amat dikenali. Pastinya jawatan setinggi itu memerlukan satu usaha yang tidak kecil pernah dilakukan oleh beliau terhadap gerakan Islam di Pulau Pinang khususnya dan di Malaysia amnya. (3) Beliau merupakan seorang ulama dan juga tokoh perniagaan yang berjaya di Pulau Pinang. Kesemua eleman tersebut menjadikan beliau seorang ulama yang amat disegani dan merupakan suatu perbicaraan yang menarik untuk diketahui mengenai biografi dan perjuangannya terhadap perkembangan Islam di Malaysia.

Perkembangan islah yang rancak sejak dari awal abad ke-20 mula menurun dalam tahun 1970-an terutama dalam bidang penerbitan majalah. Situasi yang suram itu telah diselamatkan oleh Tuan Haji Yusof Rawa dengan menerbitkan Majalah al-Islah sebagai penyambung hayat perjuangan majalah yang berbentuk islah di Malaysia. Walaupun masyarakat Islam di Malaysia mula menyaksikan banyak perubahan berkaitan dengan Islam seperti lahirnya institusi pengajian tinggi Islam dan banyak sekolah agama didirikan, namun itu tidak bermaksna perjuangan islah telah selesai.

Zaman terus beredar dan perubahan terus berlaku. Maka seiringan dengan perubahan itu medan islah menjadi lebih meluas kerana persoalan dan permasalahan umat Islam masih berlaku. Melalui Majalah al-Islah, sasaran yang agak ketara ditonjolkannya dalam menggalakkan masyarakat Melayu mengikuti perkembangan politik Islam, ekonomi Islam dan pendidikan Islam di samping menggesa mereka agar peka dengan persoalan yang baru berlaku di hadapan mata. Matlamat reformasinya juga bukan sahaja untuk mempertahankan kehormatan dan maruah bangsa semata-mata bahkan jauh lebih dari itu cuba mencetuskan rasa kesedaran keagamaan mengenai tanggungjawab yang perlu dimainkan oleh warganegara dalam sesbuah negara.

Pada akhir dekad 1970-an terdapat dua puluh tujuh buah majalah agama yang diterbitkan oleh pelbagai pertubuhan dan syarikat. Pertubuhan yang paling aktif dalam menerbitkan majalah pada dekad ini ialah Jemaah al-Arqam dengan nama *Majalah al-Arqam*. Kemudian beberapa buah majalah al-Arqam yang lain turut menyusul seperti *al-Munir* (Jan 1983), *al-'Ain* (Jun 1984), *al-Qalam* (Jun 1984), *al-Mukminah* (Feb 1986), *Fardhu 'Ain* (Apr 1987), *an-Nasihah* (Dis 1987), *Imam* (Okt 1988) dan *al-Qiadah* (Jan 1989). Kesemua majalah terbitan al-Arqam ini mengajak pembacanya agar menjalani kehidupan seperti yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW.

<sup>3</sup> Jawatan YDP PAS kemudiannya dinamakan sebagai Presiden PAS iaitu bermula dengan kepimpinan Dato' Haji Fadhil Mohd Nor.

Antara persoalan utama yang membelenggu kemunduran umat Islam di Malaysia ialah corak berfikir, bagaimana mereka berfikir, bagaimana mereka menilai dan bagaimana mereka melihat sesuatu persoalan yang timbul. Mohammad Kamil Haji Ab. Majid, menyatakan tajdid dan islah malah jihad dan ijtihad pada masa kini seharusnya tertumpu kepada aspek pemikiran dan pemantapan metodologi berfikir orang Islam.<sup>4</sup> Pembaharuan tamadun hanya akan tercapai apabila adanya perubahan sikap di kalangan umat terutamanya dalam kalangan pemimpin politik, intelektual dan ulamanya atas sifat mereka sebagai peneraju umat.

Oleh itu, penglibatan pemikir-pemikir islah dalam penerbitan majalah agama sebelum Perang Dunia Kedua adalah bertujuan membetulkan cara dan corak berfikir umat Islam disamping membentuk budaya pembacaan dalam kalangan masyarakat dengan menggunakan majalah sebagai salah satu media yang membolehkan mereka mengikuti perkembangan semasa di dalam dan luar negara. Di samping itu, aspek keagamaan dan ijtihad dijadikan sebagai nadi perancak kepada kebolehpasaran majalah-majalah agama sebagai suatu isu yang hangat diperkatakan pada ketika itu.

Disebabkan pasaran majalah yang cukup baik di kalangan masyarakat, tidak hairanlah banyak penerbit menjadikan majalah keluarannya sebagai landasan memberi dan menerima cetusan idea daripada para pemikir. Malahan penglibatan pelbagai gerakan islah ini dalam penerbitan majalah juga membuktikan bahawa penerbitan majalah agama mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecenderungan semasa, terutama berhubung pembacaan di kalangan masyarakat Melayu. Gerakan ini telah berjalan seiring dengan usaha untuk mendidik dan mendewasakan umat Islam agar bersikap lebih terbuka dalam menghadapi semua perbezaan dan perubahan zaman.<sup>5</sup>

Melalui bahan penerbitan seperti majalah ini, pelbagai isu yang dilontarkan oleh para pengarang yang kebanyakannya berkisar mengenai wanita, agama, ekonomi, politik, sejarah dan sejarawan, sastera serta fenomena kehidupan masyarakat itu sendiri. Banyak majalah yang diterbitkan hasil cetusan idea pemikir bagi menyedar dan mempengaruhi

<sup>4</sup> Mohamad Kamil Haji Ab. Majid (1995), "Gerakan Tajdid: Sejarah Dan Perspektif Masa Kini", (*Seminar Pengajian Syariah* pada 13 – 14 Jun 1995, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), h. 1.

<sup>5</sup> Dato' Dr. Sidek Fadzil (2002), "Minda Muslim: Ketegaran Dan Keluwesannya" dalam *Isu Dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 53.

pemikiran masyarakat mengenai ideologi yang dibawa oleh mereka. Sebagai contoh, *Majalah al-Islah* yang diterbitkan oleh Tuan Haji Yusof Rawa telah mengulas dan menerbitkan pelbagai segmen dan isu yang menarik antaranya mengenai wanita, pondok, pemikiran, dunia dan sejarah Islam, ketekunan dan sebagainya dalam usaha mendidik masyarakat Melayu.

## **TUAN GURU HAJI YUSOF RAWA**

Tuan Guru Haji Yusof bin Haji Abdullah al-Rawi atau lebih dikenali sebagai Tuan Guru Haji Yusof Rawa dilahirkan di Lebuh Aceh, Pulau Pinang pada 8 Mei 1922 M bersamaan 10 Ramadan 1340 H.<sup>6</sup> Bapanya, Haji Abdullah bin Haji Noordin al-Rawa adalah seorang peniaga berketurunan Rawa<sup>7</sup> yang merantau dari Kampung Rawa, Sumatera Barat. Manakala ibunya bernama Hajah Asmah binti Haji Salleh.<sup>8</sup> Bapanya berdagang kitab suci al-Quran, kitab-kitab Arab dan Jawi serta alat-alat kegunaan untuk ibadat seperti tasbih, sejadah dan lain-lain.

Beliau mempunyai tujuh orang adik beradik iaitu Anuar, Jawahir, Kamariah, Abdul Majid, Tahir, Hashim dan Shamsudin. Haji Abdullah adalah seorang alim dan rajin dalam mengusahakan perniagaan percetakan dan penerbitan yang diberi nama United Press dan Maktabah Haji Abdullah bin Mohd Nordin al-Rawi. Latar belakang Haji Abdullah yang berilmu dan gigih ini banyak mempengaruhi keperibadian Yusof Rawa

<sup>6</sup> Pada pendapat penulis, 8 Mei 1922M bersamaan 11 Ramadan 1340H pada hari Isnin. Di samping itu juga terdapat pendapat yang menyatakan 6 Mei 1922M.

<sup>7</sup> Istilah "Rawa" pada konteks perbicaraan kita ialah merujuk kepada salah satu etnik suku bangsa Melayu daripada perkataan Rao, satu tempat yang terdapat di Sumatera. Perkataan Rawa hanya popular di Mekah dan Malaysia. Ianya kurang dikenali di Rao sendiri. Hal ini hampir sama dengan suku bangsa Bawean, masyarakat di Malaysia dan Singapura menamakannya Boyan. Sedang istilah Boyan kurang dikenali di Indonesia sendiri. Barangkali penggunaan istilah Rawa di Malaysia bermula daripada Haji Abdullah Noordin al-Rawi yang mengasaskan syarikat percetakan dan penerbit Persama Press pada tahun 1921 di Lebuh Aceh, Pulau Pinang. Pada asalnya disebut "ar-Rawi" mengikut istilah Arab yang bermaksud dibangsakan kepada "Rao" tetapi lama-kelamaan menjadi "ar-Rawa" yang menunjukkan asal seseorang itu, iaitu daripada daerah "Rao", di Sumatera. Tidak terdapat sejarah yang menceritakan orang-orang Rawa yang menuntut atau menetap di lain-lain negeri atau negara menggunakan istilah atau perkataan "Rawi" atau "Rawa" dicantumkan pada bahagian akhir nama mereka. Penggunaannya juga dikatakan digunakan pada sekitar awal abad ke-19 khususnya sewaktu aktiviti pengajian Islam sedang berkembang pesat di Mekah. Lihat huraian lanjut di dalam: Wan Mohamad Saghir Abdullah, "Syeikh Muhammad Murid Rawa" dalam *Utusan Malaysia* bertarikh 19 Mac 2007.

<sup>8</sup> Farish A Noor (1999), "Ustaz Haji Yusuf bin Abdullah al-Rawa: Architect of the 'new PAS' of the 1980s".

dalam menuntut ilmu dan maju dalam bidang yang dipilihnya. Maka tidak hairanlah jika Yusof Rawa maju dalam bidang perniagaan sehingga beliau dikaitkan sebagai pengasas kepada Dewan Perniagaan Melayu Pulau Pinang.<sup>9</sup>

## PENDIDIKAN

Pendidikan awal beliau bermula di Sekolah Rendah Hutan Mayat di Jalan Carnavon sehingga darjah empat. Kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Sekolah Charausta<sup>10</sup> di Transfer Road. Manakala pendidikan menengah pula bermula di *Government English School*. Ketika dibangku sekolah lagi, Yusof Rawa menunjukkan minat yang cukup tinggi dalam pelajaran dan beliau adalah seorang kanak-kanak yang aktif bersukan khususnya sukan bola sepak yang menjadi kegemarannya.<sup>11</sup>

Kecemerlangannya dalam menguasai bahasa Inggeris menyebabkan beliau ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran ke *Penang Free School* sebuah sekolah elit yang terkenal pada ketika itu. Dan akhirnya berjaya memperolehi *Junior Cambridge*. Kejayaannya itu menjadi kebanggaan kerana pada ketika itu tidak ramai anak Melayu yang mampu sampai ke tahap itu. Beliau menanamkan cita-cita untuk menjadi peguam dan pegawai tinggi kerajaan seperti yang dilakukan oleh pelajar-pelajar terdahulu yang berpendidikan Inggeris. Namun keadaan ini tidak menjadi kebanggaan kepada Haji Abdullah yang lebih kepada pemikiran ortodoks. Beliau bimbang sekiranya Yusof Rawa hanyut apabila terdedah kepada budaya Barat yang diterapkan di sekolah tersebut. Beliau mempunyai agenda tersendiri untuk anak keduanya ini. Bagi beliau, Yusof Rawa mesti menjadi seorang ulama terbilang suatu hari nanti bagi memimpin dan menyambung perjuangan Islam.

Oleh itu, bagi mengelakkan Yusof Rawa ‘dikristiankan’, bapanya menghantar beliau ke Mekah untuk menyambung pengajian ilmu agama dan bahasa Arab. Di Mekah, beliau menerima pendidikan di Ma’had al-Falah menerusi bidang Usuluddin dan berjaya memperolehi *Diploma*

<sup>9</sup> Badlihisham Mohd Nasir (2006), “Ketokohan Dan Pemikiran Dakwah Tuan Haji Yusof Rawa (1922-2000)” dalam *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara III Ketokohan Dan Pemikiran Ulama Melayu* (ed. Farid Mat Zain, Jaffary Awang & Rabital Mohd Ghazali). Universiti Kebangsaan Malaysia dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Pulau Pinang, h. 136-137.

<sup>10</sup> Shaari Sungib (t.t), *Biodata Lima Tokoh Perjuangan PAS*. Gombak: Penerangan PAS Gombak, h. 20.

<sup>11</sup> Mujahid Haji Yusof Rawa (2001), *Permata Dari Pulau Mutiara*. Warathah Haji Yusof Rawa Sdn. Bhd. dan Dewan Muslimat Sdn. Bhd., h. 16.

*Takhassus al-Dini* dan turut berguru dengan syeikh-syeikh alim dari Nusantara dan tempatan. Pendedahan awal kepada mazhab Shafi'i dan kemudian mazhab feqah dari aliran Wahhabi dan Maliki membuatkan ufuk feqahnya bertambah luas dan dapat mentawfigkan antara aliran-aliran feqah yang dipelajarinya.<sup>12</sup> Ini kerana dikatakan pada ketika itu berlakunya ketaksuhan yang melampau kepada mazhab feqah sehingga menyebabkan masyarakat hidup dalam kelompok mazhab yang diikutinya.

Sungguhpun begitu, kajian-kajian akidah ahli *Sunnah wal Jamaah* yang menjadi teras pengajiannya di Mekah telah membentuk kefahaman akidah beliau kepada permasalahan umat yang pada zamannya melalui zaman kemalapan kerana rata-rata bumi Islam dijajah pada ketika itu.<sup>13</sup> Di samping itu, beliau juga turut mengikuti perkembangan pemikiran dunia Islam semasa. Pemikiran tokoh-tokoh Islam seperti Jamaluddin al-Afghani,<sup>14</sup> Muhammad Abduh,<sup>15</sup> Hasan al-Banna,<sup>16</sup> Syed Qutub dan lain-lain tokoh *al-Ikhwan al-Muslimun* telah diikuti dengan penuh minat. Keadaan ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi Yusof Rawa dari segi fikrahnya terhadap Feqah Ibadat dan Feqah Siasah.

Mengikuti perkembangan semasa yang berlaku di dunia Islam telah mengubah perspektif dan banyak mengajarnya erti pemikiran Islam kontemporari. Hasil cetusan hatinya dalam mengenal suasana baru dalam fasa kehidupan, menuntut beliau untuk bergerak seiring dengan perubahan semasa. Bermula sebagai seorang mahasiswa, beliau mula melibatkan diri dalam aktiviti pergerakan pelajar. Beliau menganggotai Persatuan Pelajar Melayu Mekah dan pernah menjadi Setiausaha Agung Lembaga Tanah Melayu dalam usaha membantah penubuhan Malayan Union dari luar negara bagi menuntut kemerdekaan negara. Pada tahun 1947, akhirnya Yusof Rawa pulang ke tanahair dengan gabungan ilmu agama dan sekular. Ilmu agama diperolehnya di Mekah sementara ilmu sekular didapatinya ketika berada di alam pendidikan Inggeris dahulu. Adunan dua bidang ilmu inilah yang kemudiannya membentuk personaliti beliau sebagai

<sup>12</sup> *Ibid.*, h. 26.

<sup>13</sup> *Ibid.*, h. 27.

<sup>14</sup> Nama sebenar Sayyid Jamaluddin al-Afghani ialah Muhammad Jamaluddin al-Afghani al-Husayni (1838-1897M) merupakan seorang aktivis politik dan nasionalis Islam di Afghanistan, Iran, Mesir dan Empayar Uthmaniyyah pada kurun ke-19. Beliau merupakan salah seorang pelopor pemodenan Islam yang berfahaman liberal.

<sup>15</sup> Nama sebenar Sheikh Muhammad 'Abduh ialah Muhammad bin 'Abduh bin Hasan Khayrullah. Beliau merupakan seorang pakar undang-undang berbangsa Mesir, ilmuwan agama, dan reformis pendidikan melalui pengisian dalam sistem pendidikan.

<sup>16</sup> Hassan al-Banna (14 Oktober 1906 - 12 Februari 1949) merupakan seorang reformis sosial dan politik Mesir yang terkenal sebagai pengasas gerakan *al-Ikhwan al-Muslimun*.

seorang ulama dan juga seorang profesional, satu personaliti menarik yang amat didambakan oleh pemimpin-pemimpin kita pada hari ini.

## KARYA PENULISAN

Yusof Rawa banyak menyumbang jasa kepada masyarakat dengan menghasilkan beberapa buah karya yang bermutu. Dengan memiliki syarikat percetakan sendiri beliau tidak mempunyai masalah untuk menerbitkan karyanya sendiri. Syarikat percetakan yang dinamakan Syarikat Percetakan al-Rawa itu dibuka pada tahun 1946 sekembalinya beliau daripada menuntut ilmu di Mekah. Malah sebelum mempunyai syarikat percetakan sendiri, beliau telah pun menulis artikel untuk dihantar ke majalah-majalah di tanah air padahal beliau pada ketika itu masih menetap di luar negara. Ini dapat dilihat apabila hasil cetusan ideanya telah tersiar menerusi *Warta Jenaka*, *Warta Malaya*<sup>17</sup> dan *Warta Ahad* pada tahun 1937.<sup>18</sup>

Di samping itu, beliau turut mengarang buku-buku agama. Selain mengarang, Yusof Rawa juga menerbitkan majalah dwi-mingguan *Majalah al-Islah* pada tahun 1970. *Al-Islah* ini diusahakan bersama sahabatnya seperti Ustaz Talib Azmi dari Kulim dan Pak Abu dari Kampung Baru, Selangor. Kolumn tetap yang dikhaskan untuk tujuan Fikrah Islam yang ketika itu masih baru ialah terjemahan dari buku *Ma'alim fi al-Tariq* dan *Fi Zilal al-Quran* karangan pemikir Islam unggul al-Shahid Syed Qutub.<sup>19</sup> Majalah tersebut telah diedarkan ke seluruh Malaysia, Brunei dan Indonesia. Beliau sendiri menulis di ruangan *Tafsir al-Quran*.<sup>20</sup> Selain itu, beliau turut menyebarkan dakwahnya dengan

<sup>17</sup> *Warta Malaya* adalah akhbar harian berbahasa Melayu yang dikendalikan oleh Ibrahim Yaakob. Akhbar ini diterbitkan sekitar tahun 1931-1941 iaitu sebelum Perang Dunia II. Ia menjadi media memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu yang diperjuangkan oleh Kesatuan Melayu Muda. *Warta Malaya* diterbitkan di Singapura. Editornya ialah Onn bin Jaafar (1930-1933), Sayyid Alwi bin Sayyid Sheikh al-Hadi (1933-1934), Sayyid Hussein bin Ali Alsagoff (1934-1941) dan Cikgu Ibrahim Yaakob (1941). Dengan bantuan pihak Jepun, Ibrahim Yaakob telah membeli *Warta Malaya* ini pada 1941. Ibrahim menjadi agen Jepun pada ketika itu. Warta Malaya, [http://ms.wikipedia.org/wiki/Warta\\_Malaya](http://ms.wikipedia.org/wiki/Warta_Malaya), 10 Disember 2009.

<sup>18</sup> Mustafa Abdullah (2009), "Haji Yusof bin Haji Abdullah al-Rawi" dalam *Khazanah Tafsir Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Pro Publishing Services, h. 216.

<sup>19</sup> Mujahid Haji Yusof Rawa (2001), *op.cit.*, h. 62.

<sup>20</sup> Dalam ruangan tersebut, beliau menterjemah *Tafsir fi Zilal al-Quran* tulisan Syed Qutub. Bahkan beliau telah menghasilkan sebuah kitab tafsir al-Quran yang diberi nama *Tafsir ar-Rawi*. Tafsir tersebut telah mendapat pengiktirafan daripada Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan. Ia mula dicetak pada tahun 1950 dan telah

mengarang risalah-risalah perjuangan gerakan Islam seperti al-Ikhwan al-Muslimun<sup>21</sup> dan Jama'at Islami<sup>22</sup> yang banyak diedarkan kepada masyarakat non Muslim di Pulau Pinang.<sup>23</sup>

Manakala buku-buku pelajaran<sup>24</sup> pula, seperti buku Geografi dalam bahasa Arab, bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan Mandarin juga diterbitkan bagi kegunaan sekolah-sekolah agama di Tanah Melayu. Beliau juga tidak ketinggalan menceburi bidang pengajian tafsir dengan menghasilkan sebuah kitab tafsir yang dinamakan *Tafsir al-Rawi Juzu' Amma*.<sup>25</sup> Selain buku ilmiah yang sarat dengan mutiara ilmu, beliau juga turut menghasilkan sebuah karya yang mempunyai kesusasteraan tinggi antaranya *Madah Sukma*<sup>26</sup> yang telah mendapat pujian Pendeta Za'ba. Di samping itu, beliau turut menerbitkan 14 buah buku dan bukunya ini telah dipasarkan di Jakarta. Perpustakaan Haji Abdullah bin Muhammad Nordin ar-Rawi salah sebuah penerbit dan toko buku di Pulau Pinang hasil peninggalan ayahnya telah mempamerkan 14 buah buku penerbitannya dan juga hasil-hasil karya penulis-penulis Islam yang lain. Pameran buku Melayu itu diadakan dengan anjuran bersama Dewan Bahasa dan Pustaka,

---

mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai sehingga diulang cetak beberapa kali.

<sup>21</sup> Al-Ikhwan al-Muslimun adalah sebuah gerakan Islam terbesar pada zaman moden ini. Seruannya ialah kembali kepada Islam sebagaimana yang termaktub di dalam al-Quran dan al-Sunnah serta mengajak kepada penerapan syariat Islam dalam kehidupan nyata. Dengan tegar, gerakan ini telah mampu membendung arus sekularisasi di dunia Arab dan Islam. Gerakan ini dipelopori oleh Sheikh Hasan al-Banna (1324 - 1368 H/1906 - 1949 M).

<sup>22</sup> Jama'at al-Islami merupakan satu pergerakan politik Islam yang ditubuhkan oleh Sayyid Abu al-A'la al-Mawdudi pada 24 Ogos 1941 sebagai sebuah parti politik di Pakistan. Tetapi pada hakikatnya ia sebuah jamaah akidah atau harakah Islamiah untuk menegakkan sistem hidup Islam di muka bumi ini. Akidahnya ialah dua kalimah syahadah. Kalimah syahadah ini telah ditafsir dan dihuraikan dengan begitu teliti sehingga ia menjadi teras kepada perjuangan Jama'at al-Islami.

<sup>23</sup> Mustafa Abdullah (2009), *op. cit.*, h. 217.

<sup>24</sup> Seperti buku *Nahu Mandarin, Nahu Bahasa Inggeris, Analisa Tentang Beberapa Masalah Hidup Manusia*. Lihaturaian lanjut di dalam: New Sunday Times, September 19, 1990 "Street of The Malay Traders".

<sup>25</sup> Karya ini dicetak oleh Maktabah al-Haj Abdullah bin Muhammad Noordin al-Rawi, 55 Achen Streets, Pulau Pinang. Ia diterbitkan oleh The United Press beralamat di 29 Dato' Keramat Road, Pulau Pinang. *Tafsir al-Rawi* ini ditulis dengan tulisan Jawi dalam bahasa Melayu. Lihat penjelasan lanjut dalam analisis yang dijalankan oleh Mustafa Abdullah (2009), *op cit.*, h. 217.

<sup>26</sup> *Madah Sukma* (Impian Nafsu Dan Kesedarannya). Maktabah al-Haj Abdullah bin Mohammad Nur ad-Din ar-Rawi, 55, Acheen Street, Penang. Buku ini mengisahkan mengenai khayalan seorang pemuda terhadap dosa dan neraka ketika berniat untuk pergi bersuka-ria.

penerbit-penerbit Malaysia dan kedutaan besar Malaysia di Republik Indonesia.<sup>27</sup>

### **PENERBITAN MAJALAH AL-ISLAH**

Majalah ini diberi nama *al-Islah* bersesuaian dengan namanya yang bertujuan memberikan suatu pemberian dan pembaharuan ke atas masyarakat Islam di samping “mendokong cita-cita yang cukup besar, membawa tanggungjawab yang cukup berat, ingin berbakti dan berkhidmat kepada ugama, bangsa dan tanah air”.<sup>28</sup> Majalah ini diterbitkan ‘bertujuan menyeru dan berdakwah selain menyeru umat berbuat baik dan melarang dari melakukan perbuatan-perbuatan munkar’<sup>29</sup> dalam cita-cita mengabdikan diri di bidang dakwah Islamiah dalam bentuk tulisan. Ini kerana menurut beliau, setiap hati manusia itu “selalu melupai tugasnya dan konsep perjuangan hidupnya di muka bumi ini, ialah sebagai hamba Allah yang mesti dihiasi lembaran sejarah hidupnya dengan amal ibadah semata-mata kerana Allah S.W.T.”.<sup>30</sup>

*Al-Islah* ini digambarkan sebagai perjuangannya di tengah-tengah dunia persuratkhabaran Islam di tanah air yang bersifat umum dan bebas. Penulis kolumnis diberi kebebasan dalam melontarkan idea-idea Islamik sama ada dalam “bentuk rencana, cerpen, sajak, drama dan sandiwara,

<sup>27</sup> Buku-buku yang dipamerkan ialah al-Quran al-Karim dengan tafsiran jawi bagi bacaan kanak-kanak yang diterjemahkan oleh Abdullah Abbas Nasution, *Tafsir ar-Rawi*, juzu’ 1 & 2 oleh Ibn Rawi, *Sosialisme Islam*, oleh Mustafa as-Siba'i yang diterjemahkan oleh Hassan Salleh, *Simpposium Tasawuf* dan *Tarikat* oleh Dr. Burhanuddin Helmi, *Ikhtisar Sejarah Perundangan Islam* oleh Mohsein bin Haji Mansur, *Ringkasan Sejarah Kerajaan Daulah Bani 'Abbasiyah*, *Ringkasan Sejarah Kerajaan Daulah Bani Umayyah*, *Ringkasan Sejarah al-Khalifa' al-Rasyidin*, *Ringkasan Sejarah Islam di Sepanyol*, *Ringkasan Nur al-Yaqin* yang semuanya disusun oleh Mustafa Abdul Rahman. Dan terdapat dua buah buku baru bertajuk *Bagaimana Hendak Mengatasi Dukacita* oleh Abu Abdul Latif dan *Islam dan Keadilan Sosial* oleh Yusuf Ahmad Lubis. Lihat penjelasan lanjut dalam: *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, jil. 1, bil. 10, 1 Julai 1970/27 Rabi'ul Akhir 1390, h. 19.

<sup>28</sup> Yusof Rawa (1970), “Lahir Di Tengah Kumandang Suara Suci” dalam *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 1, jil. 1, 15 Februari 1970 bersamaan 9 Zulhijjah 1389, h. 3.

<sup>29</sup> *Ibid.*

<sup>30</sup> Yusof Rawa (1970), “Mengucapkan Selamat Tahun Baru Hijriyyah 1390” dalam *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 3, jil. 1, 15 Mac 1970 bersamaan 7 Muharram 1390, h. 4.

namun apa yang penting haruslah kita tekankan segala tulisan itu haruslah bercorak keislaman".<sup>31</sup>

Majalah ini diterbitkan ketika di ambang kemasukan tahun baru, tahun 1970. Ini kerana tahun sebelumnya, dianggap sebagai tahun "tunggang balik" atau "kacau bilau".<sup>32</sup> Pelbagai peristiwa yang menimpa umat Islam semasa seperti Masjid al-Aqsa dibakar oleh orang-orang Yahudi, ekoran gerakan zionisme, kezaliman oleh Hindu terhadap kaum muslimin di bandar Ahmad Abad dan sebagainya. Dan apa yang mendukacitakan lagi ialah mengenai peristiwa 13 Mei yang menimpa masyarakat Tanah Melayu telah menganggu gugat kehidupan masyarakat Muslim sejagat.

Di samping itu, masalah ummah juga menjadi fokus di dalam penerbitan majalah ini apabila beliau membangkitkan mengenai permasalahan penyakit remaja yang melanda umat Islam mutakhir ini. Beliau juga dikatakan sering melontarkan beberapa permasalahan yang patut difahami oleh umat Islam dalam merealisasikan konsep perpaduan ummah. Tulisan beliau seakan-akan sebuah tingkap untuk kita menjenguk ke satu daerah yang jarang benar ditinjau, sama ada dari jauh ataupun dekat. Di tambah pula, penerbitan *al-Islah* juga dilihat sebagai usaha untuk menyebarkan gagasan reformasi dan semangat nasionalisme Melayu Islam yang cuba diterapkan dan mengasak pemikiran masyarakat Melayu ketika itu.

*Oleh kerana itu, kepada seluruh umat negeri ini, baik dari pihak pemerintah dan rakyat jelata, cubalah renungkan sekurang-kurangnya dan cubalah bertindak untuk mengubahkan keadaan yang telah dan sedang dideritai oleh umat negeri ini dengan secepat mungkin, mengikut kemampuan dan kekuasaan yang ada pada kita, sebelum tibanya saat kehancuran ... .<sup>33</sup>*

*Al-Islah* diterbitkan pada pertengahan bulan dengan menggunakan sistem jilid dan bilangan ini sering mengutarakan pelbagai tema Islamik yang mampu menggarap minda pembaca. Dengan menggunakan sistem tulisan jawi dan purata halaman 16 hingga 32 halaman diterbitkan dengan

<sup>31</sup> Yusof Rawa (1970), "Lahir Di Tengah Kumandang Suara Suci" dalam *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 1, jil. 1, 15 Februari 1970 bersamaan 9 Zulhijjah 1389, h. 3.

<sup>32</sup> Yusof Rawa (1970), "Di Ambang Tahun Baru Hijriyyah 1390" dalam *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 2, jil. 1, 1 Mac 1970 bersamaan 23 Zulhijjah 1389, h. 3.

<sup>33</sup> *Ibid.*

kekerapan dwi-mingguan bermula dari 15 Febuari 1970 bersamaan 9 Zulhijjah 1389 H, 1 Mac 1970, 15 April 1970 dan seterusnya. Majalah ini diterbitkan oleh syarikat percetakan Zi United Press, Pulau Pinang dengan berukuran 10.1 x 7.2 inci dengan harga 30 sen senaskhah. Namun mulai jilid keempat sekitar tahun 1973, ukurannya telah ditukar kepada saiz yang lebih besar iaitu 11 x 7.75 inci dengan harga yang sama.

Penggunaan tulisan jawi dalam penerbitan *al-Islah*, menurut Tuan Haji Yusof Rawa, tulisan jawi merupakan asas utama bagi umat Islam yang ingin membaca, memahami dan mempelajari isi-isi kitab suci al-Quran. Beliau berpendapat bahawa adalah menjadi sia-sia diadakan musabaqah al-Quran pada tiap-tiap tahun sekiranya anak-anak yang berada di bangku sekolah tidak tahu membaca tulisan jawi. Dengan keadaan ini, *al-Islah* mengambil suatu langkah dalam memartabatkan warisan tulisan jawi dengan mengaplikasikannya di dalam penerbitan tengah bulanan *al-Islah*:

*Menurut pendapat kami, kami sebagai penerbit dan pengarang tengah bulanan al-Islah, telah memilih tulisan jawi sebagai alat untuk menyampaikan dakwah Islamiah di tanah air kita ini ... .<sup>34</sup>*

Kehangatan *al-Islah* mula dirasai oleh setiap masyarakat terutamanya generasi berpendidikan Islam. Yusof Rawa sendiri pernah menyatakan bahawa “umat Islam di Malaysia harus menjadikan tahun 1970 M/1390 H sebagai tahun mulakan gerakan dakwah yang lebih cergas, lebih dinamis daripada gerakan di dalam tahun-tahun yang sebelumnya<sup>35</sup> dan terbitan ini adalah atas dasar dakwah bukannya atas dasar komersil ... .<sup>36</sup>

Pemikiran yang dipelopori oleh Haji Yusof Rawa dalam usaha membangkitkan kesedaran umat Islam Malaysia kepada perlunya kembali kepada Islam dalam penjelasan kontemporari tidak dapat diteruskan. Keluarannya telah digantung buat seketika atas dasar kepentingan politik pemerintah. Sebagai seorang pemimpin dalam parti pembangkang,

<sup>34</sup> Yusof Rawa (1970), “Mengucapkan Selamat Tahun Baru Hijriyyah 1390” dalam *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 3, jil. 1, 15 Mac 1970 bersamaan 7 Muarram 1390, h. 20.

<sup>35</sup> Yusof Rawa (1970), “Mengharapkan Hijriyyah 1390 Ini Dijadikan Tahun Berdakwah” dalam *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 4, jil. 1, 1 April 1970 bersamaan 24 Muarram 1390, h. 4.

<sup>36</sup> Yusof Rawa (1973), “Dari Meja Pengarang” dalam *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 1 & 2, jil. 4, 15 Februari/ 1 Mac 1973 bersamaan 11/26 Muarram 1393, h. 2.

kehadiran *al-Islah* dikhawatir menjadi propaganda politik kepada PAS. Sehingga sekitar Ogos 1974 majalah ini dihentikan penerbitannya buat selama-lamanya.

## SEORANG PENIAGA

Yusof Rawa mewarisi bakat bermiaga daripada ayahnya. Semasa di Mekah lagi, beliau telah berjinak-jinak dalam bidang perniagaan. Pada tahun 1945, beliau bekerja di syarikat import eksport Hosni Gamal sebagai kerani, setiausaha dan penterjemah dan pada masa yang sama mengambil Diploma Pengurusan di Bennette College Shefield England secara gaya pos.<sup>37</sup> Di sinilah beliau terdedah kepada dunia perakaunan, perhubungan awam dan pengurusan perniagaan. Kesibukan mengendalikan perniagaan Hosni Gamal telah membawa beliau merantau ke Mesir, dan Lubnan yang merupakan pusat perdagangan tersibuk di dunia Arab ketika itu. Pendedahan kepada dunia luar terutamanya Asia Barat telah mempengaruhi pemikiran modernisme beliau.

Di tanah air pada tahun 1921, bapanya telah menuahkan sebuah syarikat percetakan dan penerbitan The United Press.<sup>38</sup> Namun akibat Perang Dunia Kedua yang telah mengorbankan bapanya, turut juga memusnahkan perniagaan yang dijalankan selama ini. Hajat ibunya mengarahkan beliau segera pulang agar dapat membangunkan semula perniagaan yang telah musnah akibat tragedi yang menyayat hati itu. Bagi Yusof Rawa ini adalah cabaran pertama yang perlu dilalui sekembalinya dari Mekah. Untuk membina semula perniagaan yang telah hancur akibat peperangan bukanlah suatu perkara yang mudah. Memulihkan perniagaan yang bankrap agak mudah berbanding memulihkan perniagaan yang telah hancur kerana bencana yang melibatkan premis dan barang-barang adalah sesuatu yang mencabar keazaman bagi seseorang yang bergelar usahawan.

<sup>37</sup> Mustafa Abdullah (2009), *op. cit.*, h. 216.

<sup>38</sup> Percetakan yang didirikan oleh Haji Abdullah bin Nordin ar-Rawa juga dikenali sebagai *Mathba'ah Persama*. Syarikat percetakan yang telah banyak berjasa itu kemudian diuruskan oleh Haji Yusof Rawa. Hingga kini syarikat tersebut masih beroperasi di Jalan Kampung Jawa, Bayan Baru dikenali sebagai *Safir Ilmu Enterprise* kemudian diurus oleh anaknya Haji Yusof Rawa sendiri iaitu Mujahid bin Yusof ar-Rawa. Daripada percetakan tersebutlah bermula penggunaan istilah Rawa khususnya terhadap aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan percetakan serta penerbitan kitab. Dari mathba'ah tersebut melibatkan sumbangan masyarakat berketurunan Rao atau Rawa yang menetap di Semenanjung Tanah Melayu didokumen dalam bentuk cetakan nama pada kitab-kitab.

Berbekalkan semangat dari bondanya, Yusof Rawa berazam untuk memulihkan perniagaan yang telah diusahakan oleh bapanya selama ini. Bagi membangunkan semula perusahaan itu, beliau telah membuka syarikat percetakan sendiri dengan Maktabah Haji Abdullah bertindak sebagai pengedar dan penerbit tunggal. Maka tertubuhlah Percetakan *The United Press* di Jalan Dato' Keramat yang terletak ditengah-tengah kesibukan kota. Selain menjadi pencetak kepada buku-buku bahasa Arab untuk kegunaan sekolah pondok dan agama seluruh Malaysia, beliau juga mendapat kontrak dari Kementerian Pelajaran bagi menyusun dan mencetak buku-buku bahasa Arab, kitab-kitab Jawi dan buku-buku matapelajaran agama untuk kegunaan sekolah-sekolah di Tanah Melayu.

Di samping itu, beliau turut berjinak dalam bidang industri perikanan. Beliau telah membeli beberapa buah bot untuk menangkap ikan di laut dalam. Sebagai tanda kasih dan sayang terhadap anak-anaknya, salah satu bot kepunyaannya telah diberi nama *Khairusam* mengambil sempena nama anak-anaknya antaranya ialah Khairi, Usamah, Yusra dan Mujahid. Selain dari tangkapan laut dalam, beliau bersama seorang rakan kongsinya Pak Wahi membeli sebuah ladang getah dengan nama "Selamat Air Putih Estet" di Gurun, Kedah dan memiliki beberapa saham dalam syarikat pengangkutan di Pulau Pinang.

Sebagai seorang lepasan pengajian agama, kejayaan Yusof Rawa dalam bidang perniagaan adalah amat mengagumkan. Kebiasaanannya lepasan Mekah pulang ke tanah air membuka pondok-pondok dan menjadi tuan-tuan guru. Sebaliknya beliau membuka kedai buku dan percetakan serta menjadi seorang ahli korporat yang berjaya. Anak beliau, Mujahid bin Yusof Rawa<sup>39</sup> pernah menulis bahawa Dewan Perniagaan Pulau Pinang itu sendiri merupakan cetusan daripada idea awal bapanya untuk mewujudkan rangkaian Perniagaan Melayu Pulau Pinang.

Kejayaan ini adalah hasil idealisme yang dipegangnya selama ini. Idealisme dalam melaksanakan hadis Rasulullah SAW tentang keberkatan bermiaga sendiri. Menurut beliau lagi, sebagai anak Melayu Pulau Pinang yang terpinggir dari arus perniagaan, usaha perlu digandakan bagi memartabatkan agenda ekonomi Melayu Pulau Pinang bagi bersaing dengan peniaga Cina yang lebih mantap jalinan perniagaannya. Selain itu, perniagaan ini juga dijadikan dahan untuk menampung kerja-kerja politik

<sup>39</sup> Dr. Mujahid Yusof Rawa merupakan Ahli Parlimen Parit Buntar, Negeri Perak dari PAS dan merupakan anak kepada Mursyidul Am PAS yang pertama iaitu Allahyarham Tuan Guru Yusof Rawa. Beliau merupakan Pengurus Lajnah Perpaduan Nasional PAS Pusat. Untuk keterangan lanjut, sila lihat: Dr. Mujahid Yusof Rawa, [http://ms.wikipedia.org/wiki/Mujahid\\_Yusof\\_Rawa](http://ms.wikipedia.org/wiki/Mujahid_Yusof_Rawa) 13 Disember 2009.

yang diceburinya ketika itu. Kerana hasil pegangan yang tersemat dihatinya inilah yang menjadikan beliau seorang tokoh perniagaan yang berwawasan dan berketerampilan. Dan bagi menyambung generasi perniagaan ini, anak-anak beliau telah menubuhkan sebuah syarikat *Waraihah Haji Yusof Rawa Sdn. Bhd.*<sup>40</sup> sebagai tapak generasi ketiga Haji Abdullah Nordeen.

### **PEMIMPIN PARTI POLITIK ISLAM**

Penglibatan Yusof Rawa di dalam bidang politik Islam yang diperjuangkan oleh PAS<sup>41</sup> adalah bermula pada tahun 1959 apabila beliau menjawat jawatan Pesuruhjaya PAS Negeri Pulau Pinang menggantikan saudara Ahmad Azam. Beliau kemudiannya menduduki Jawantankuasa Agung PAS selama 18 tahun. Dalam Pilihanraya Umum tahun 1969, beliau telah bertanding di Parlimen Kota Setar Selatan menentang Dr. Mahathir Mohamad dan menang dengan majoriti 989 undi. Beliau memperolehi sebanyak 13,021 undi manakala Dr. Mahathir hanya memperolehi 12,032 undi. Kejayaan tersebut merupakan kejayaan terbesar beliau dalam sejarah penyertaannya dalam pilihanraya sehingga mendapat jolokan sebagai *gaint-killer*.

Dalam Muktamar PAS ke-27 pada tahun 1981 menyaksikan Yusof Rawa dipilih sebagai Timbalan Yang Dipertua Agung PAS menentang penyandangnya Dato Abu Bakar Umar. Ketika itu PAS sedang terumbang-ambing dilanda krisis selepas mengalami kegagalan untuk meneruskan gabungannya dengan UMNO dalam Barisan Nasional pada tahun 1977. Akibat daripada krisis yang memuncak, akhirnya Yang Dipertua Agung PAS, Dato Haji Mohd Asri bin Muda meletakkan jawatan pada bulan Oktober 1982. Sejak itu, Yusof Rawa diamanahkan memangku jawatan Yang Dipertua Agung PAS. Pada tahun yang berikutnya, dalam

<sup>40</sup> Nama Warathah Haji Yusof Rawa dipilih sendiri oleh Haji Yusof Rawa. Warathah di dalam bahasa Melayu bermaksud warisan anak-anak.

<sup>41</sup> Parti Islam SeMalaysia adalah sebuah parti pergerakan Islam di Malaysia yang kini dipimpin oleh Presiden parti, Dato' Seri Tuan Guru Hj. Abdul Hadi bin Awang. PAS cuba mengimbangi perjuangan nasionalisme UMNO sebagai sebuah parti yang mendokong Islam. Dengan tidak menafikan bahawa semangat perjuangan yang berteraskan kepada Islam di negara ini telahpun wujud semenjak tahun 1906 lagi, yang telah dibawa dan diperjuangkan oleh golongan pembaharuan atau reformasi Islam yang mendapat pendidikan di Timur Tengah (antaranya termasuklah Syed Sheikh al-Hadi, Sheikh Tahir Jalaluddin dan Haji Abbas Mohd. Taha) yang berpusat di Singapura, Melaka dan Pulau Pinang, PAS yang muncul pada tahun 1951 adalah atas kesedaran masyarakat Melayu (pada waktu itu) untuk melihat Islam dapat ditegak dan didaulatkan di negara ini.

muktamar PAS ke-29 yang berlangsung di Kuala Lumpur, beliau telah disahkan sebagai Yang Dipertua Agung PAS yang kelima.

*“Ketokohnanya telah diiktiraf oleh kawan dan lawan politiknya. Ia seorang ahli politik yang sangat versatile, luas pergaulan, dikenali ketokohnanya di dalam dan luar negara, sementara bacaan politik dan strateginya tepat”.* (Dato’ Haji Fadzil Mohammad Noor, Presiden PAS).<sup>42</sup>

Perkara ini turut diakui oleh Dr. Mohd Rosdi Mohd Yusof (2004) yang menjelaskan:<sup>43</sup>

*“Allahyarham Haji Yusof Rawa adalah seorang ulama dan aktivis politik yang disegani serta mempunyai pengalaman luas sebagai ahli diplomatik negara khasnya ketika menjadi Duta Besar ke Iran. Beliau melihat sejarah perkembangan dakwah di Malaysia ini secara jujur”.*

*“Haji Yusof Rawa’s role in all this, although he had left the PAS presidency 12 years ago, is crucial. He was the father figure the PAS Islamicists had, but his role went beyond that of a figurehead. PAS leaders told me, when I asked them about his leadership years ago for an article I was writing then, that he provided the solidity that enabled the party to develop into what it is today. His background would have prepared him for that . . . ”* (M.G.G. Pillai)<sup>44</sup>

Beliau memegang jawatan ini sehingga pada 31 Mac 1989 apabila beliau mengalami keuzuran. Beliau melepaskan jawatannya pada muktamar yang ke-35. Ketika bersara inilah, beliau telah dianugerahkan Tokoh Ma‘al Hijrah peringkat negeri Pulau Pinang pada tahun 1992 sebagai tanda pengiktirafan atas jasa bakti beliau pada agama, bangsa dan negara. Keuzurannya yang berpunca daripada penyakit kencing manis, lemah jantung dan paru-paru berair menghalang beliau daripada bergerak dengan lebih aktif.

<sup>42</sup> Dato’ Haji Fadzil Mohamad Noor (2001), “Yusuf Rawa Role-Model Bagi Pejuang Islam” dalam *Permata Dari Pulau Mutiara*. Warathah Haji Yusof Rawa Sdn. Bhd., h. i.

<sup>43</sup> Dr. Mohd Rosdi Mohd Yusof (2004), *Perjuangan UMNO Ke Arah Memartabatkan Bangsa Dan Agama*. Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn. Bhd., h. 85.

<sup>44</sup> M.G.G. Pillai (2000), *op. cit.*, h. 24.

## MENINGGAL DUNIA

Pada 24 Muharram 1421 Hijriyyah bersamaan 28 April 2000 Miladiyyah, ketika berusia 77 tahun beliau akhirnya dipanggil ke hadrat Ilahi setelah banyak menabur bakti kepada negaranya dan perjuangan yang dikasihinya kira-kira jam 7.00 pagi. Allahyarham meninggalkan seorang balu, 11 orang anak, enam perempuan dan lima lelaki serta 30 orang cucu hasil perkongsian hidup bersama Hajah Kalsom binti Ali.<sup>45</sup>

## PENUTUP

Tuan Haji Yusof Rawa adalah salah seorang tokoh islah yang mempunyai jati diri yang gigih dalam menyemaikan semangat Islam di dalam diri setiap individu Muslim. Walaupun beliau lebih dikenali sebagai seorang ahli politik Islam, namun sejarah pemikiran yang dibawanya melangkaui bidang yang diceburinya. Beliau sebagai seorang peniaga, pendakwah, ahli politik dan juga jurnalis telah menempuh semua bidang yang mencabar itu dengan tujuan menyuarakan ideologi-ideologi dalam membangunkan masyarakat Islam di Malaysia.

Justeru itu, untuk mencapai hasrat dan tanggungjawab dalam memperjuangkan penegakan *daulah Islamiyyah* dengan penuh kesedaran, bukanlah suatu perkara yang mudah. Pelbagai rintangan terpaksa dihadapi dan memerlukan kepada persiapan-persiapan yang menyeluruh. Persiapan dalam pembangunan fizikal dan organisasi, persiapan kesedaran, pemikiran, keilmuan serta kesediaan rohaniah yang tinggi dan kesetiaan kepada perjuangan berlandaskan syariat adalah menjadi peneraju utama sesuatu kejayaan yang hakiki. Persiapan-persiapan ini amat perlu kerana pertarungan sebenar pada masa kini dan juga pada masa depan adalah pertarungan minda.

Di samping itu juga, ulama dan intelektual Islam hendaklah menjadi gabungan tenaga yang penting dalam usaha memupuk dan meningkatkan kesedaran Islam dalam kalangan ummah. Bagi Tuan Haji Yusof Rawa, tidak kira di aliran mana sekalipun kita berada, apa yang penting ialah menghormati dan menilai kata-kata orang tua; “Gunakanlah pertimbangan dua daun dacing, jasmaniah dan rohaniah”,<sup>46</sup> dalam mencari

<sup>45</sup> Berita Harian, 28 April 2000, “Yusof Rawa Tokoh Politik Bertoleransi”. Isterinya Kalsom Ali meninggal dunia pada tahun 1994.

<sup>46</sup> Yusof Rawa (1973), “Secupak Tidak Jadi Segantang” dalam *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 7 & 8, jil. 4, 15/1 Jun 1973 bersamaan 11/28 Rabiuul Akhir 1393, h. 5.

kebenaran kerana mereka lebih berpengalaman dan terlebih dahulu makan garam.

Justeru itu, seluruh tenaga mestilah turut serta secara proaktif dalam membantu para ulama dan intelektual Islam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka. Bak kata tokoh penerbit ini lagi “ajarkanlah yang tidak tahu, peringatkanlah yang kita lupa dan tunjukkanlah yang benar itu benar supaya kita ikut dan yang salah itu salah, supaya kita jauhinya dan begitulah selanjutnya”.<sup>47</sup>

---

<sup>47</sup> Yusof Rawa (1970), “Mengucapkan Selamat Tahun Baru Hijriyyah 1390!” dalam *Majalah al-Islah*. Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 3, jil. 1, 15 Mac 1970 bersamaan 7 Muharram 1390, h. 4.